

25 JUN 2002

RAFIDAH-REAKSI/I

PERNIAGAAN, PASARAN SAHAM PERLU LEGA DGN KEPUTUSAN PERALIHAN KUASA

Oleh: Wan Nurzila Wan Abdul Rahman

KUALA LUMPUR, 25 Jun (Bernama) -- Pasaran saham dan komuniti perniagaan sepatutnya berasa lega sekarang setelah mengetahui rangka masa yang telah ditetapkan bagi peralihan kepimpinan di Malaysia, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz, hari ini.

Rafidah, yang juga anggota Majlis Tertinggi UMNO, berkata "mereka malahan tahun siapa yang akan menggantikan (Perdana Menteri Datuk Seri) Dr Mahathir Mohamad.

"Ia sepatutnya memberi kelegaaan kepada sesiapa yang terlibat dalam perniagaan kerajaan mereka akan mendapat jaminan bahawa Pak Lah (Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi) akan meneruskan dasar yang telah digariskan oleh Dr Mahathir.

"Sekiranya terdapat sebarang perubahan, beliau (Abdullah) akan memperhalusinya dan membaikinya dari masa ke semasa," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di sini yang membincangkan hasrat Dr Mahathir untuk meletakkan jawatan.

Diumumkan selepas mesyuarat bahawa Dr Mahathir akan kekal sebagai Perdana Menteri sehingga Oktober 2003 dan timbalannya, Abdullah, akan menggantikannya.

Rafidah berkata: "Kami sebagai menteri Kabinet akan terus menyokong semua dasar-dasar dan membantu Pak Lah dalam melaksanakannya."

Menurutnya, keputusan itu sepatutnya memberi gambaran yang positif kepada negara.

Bursa Saham Kuala Lumpur turun kira-kira 26 mata kepada 717.21 pada penutupan hari ini daripada pembukaan semalam selepas Dr Mahathir mengumumkan pada penutupan Perhimpunan Agung UMNO bahawa beliau melepaskan semua jawatannya dalam parti dan kerajaan. Bagaimanapun, beliau telah menarik balik keputusannya setelah dipujuk oleh anggota UMNO. Dr Mahathir kemudiannya berlepas ke Itali pada Ahad lalu untuk bercuti.

Hari ini, setiausaha agung UMNO Tan Sri Khalil Yaakob mengumumkan bahawa Dr Mahathir akan kekal memegang jawatan Perdana Menteri sehingga Oktober 2003. Dr Mahathir akan melepaskan semua jawatannya dalam kerajaan dan parti hanya selepas Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Kuala Lumpur pada Oktober 2003.

Dr Mahathir, yang akan kekal sebagai Menteri Kewangan sehingga Oktober tahun depan juga melantik Abdullah sebagai penggantinya.

"Untuk tahun ini, Dr Mahathir masih Perdana Menteri dan Menteri Kewangan," kata Khalil.

Bekas Menteri Kewangan Kedua dan Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) Datuk Mustapa Mohamed, berkata akan terdapat kesinambungan dalam kedua-dua dasar kerajaan dan pelaksanaannya.

"Malahan, dalam beberapa hari lalu, penurunan pasaran tidaklah begitu besar," katanya sebagai merujuk kepada prestasi BSKL.

"Tidak banyak masalah dalam beberapa hari ini dan kami menjangkakan keyakinan terhadap ekonomi," kata Mustapa, yang juga anggota Majlis Tertinggi UMNO.

Beliau berkata angka ekonomi terbaru menunjukkan "kita sedang meningkat naik dana yakin dapat mencapai unjuran 4.0 peratus dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Sementara itu pengerusi Tenaga Nasional Bhd Datuk Dr Jamaluddin Jarjis berkata pasaran saham tempatan akan tenang semula berikutan keputusan peralihan kuasa itu.

"Peralihan kuasa teratur daripada pemegang kuasa sekarang kepada Perdana Menteri baru telah diuruskan dengan baik dan saya percaya pasaran akan kembali seperti biasa dan korporat Malaysia juga akan kembali seperti biasa," katanya.

-- BERNAMA

WNZ MR SHY ZK